# Vaksinasi di pusat jagaan warga emas sedang berjalan

Oleh Ahmad Suhael Adnan - Mei 18, 2021 @ 6:22pm
ahmad.suhael@bh.com.my



Anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) membantu seorang warga emas yang hadir bagi menerima suntikan vaksin jenis AstraZeneca di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) hari ini

KUALA LUMPUR: Kerajaan memberi jaminan akan memastikan semua penghuni dan penjaga pusat jagaan warga emas divaksin secepat mungkin, bagi memastikan kumpulan berisiko itu dilindungi daripada COVID-19.

Jaminan itu disampaikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, dalam pertemuan secara maya dengan wakil Persatuan Pengendali Jagaan Berkediaman Warga Emas Se-Malaysia (MyAgeCOpe), hari ini.

ADVERTISING




TERKINI PILIHAN PEMBACA

5m Bursa saham dibuka rendah

20m Bomba ambil masa 45 minit pujuk lelaki kemurungan

26m Rayu dana bantu haiwan jalanan

49m Polis tambah pasukan pemantau PKPD di Kota Setar

52m Benzema kembali dipanggil skuad kebangsaan

1h Konflik Israel-Gaza gugat proses damai

1h Angka korban konflik Israel-Gaza meningkat

1h 'Lapor kes langgar SOP'

Presiden MyAgeCOpe, Delren Terrence Douglas, berkata Khairy memaklumkan usaha memberi vaksin kepada golongan itu di pusat jagaan sudah bermula tiga hari lalu di empat negeri iaitu Kelantan, Perak, Pahang dan Sarawak.

"Khairy maklumkan sejumlah 365 pusat jagaan berlesen, 161 pusat jagaan tidak berlesen dan 22 pusat jagaan kerajaan sudah berdaftar untuk diberikan vaksin dan sebolehnya penghuni dan penjaga akan divaksin di pusat jagaan masing-masing.


## DISYORKAN UNTUK ANDA

- Vaksinasi warga emas kritikal atasi kematian COVID-19
- Sinari Aidilfitri warga emas tanpa risiko jangkitan wabak
- Norma baharu lindungi warga emas
- COVID-19: KKM akan buat saringan di pusat jagaan warga emas


"Proses ini bermula di empat negeri dahulu, di mana pegawai Kementerian Kesihatan (KKM) akan pergi ke pusat jagaan untuk dapatkan jumlah yang boleh divaksin, sebelum suntikan diberikan antara seminggu atau dua minggu kemudian.

"Namun, Khairy ketengahkan mengenai kepentingan untuk 1,300 pusat jagaan tidak berlesen yang ada kira-kira 22,000 penghuni dan penjaga, untuk tampil mendaftar untuk menerima vaksin supaya semua dilindungi daripada COVID-19.

"Khairy memberi jaminan kepada MyAgeCOpe bahawa tiada tindakan akan dikenakan terhadap mereka, termasuk jika mereka menggajikan penjaga warga asing tanpa permit bekerja, kerana keutamaan ketika ini untuk menyelamatkan nyawa," katanya ketika dihubungi BH, hari ini.


ADVERTISING





Sebelum ini, media melaporkan MyAgeCOpe menzahirkan kekecewaan apabila KKM tidak berhubung dengan mereka selepas persatuan yang










## VAKSIN


NASIONAL Mei 17, 2021 @ 10:12pm
CITF mohon maaf kesesakan di PPV Stadium Titiwangsa


NASIONAL Mei 17, 2021 @ 4:33pm
Tiada kesan sampingan serius vaksin AstraZeneca


NASIONAL Mei 17, 2021 @ 2:46pm
Ibu hamil, menyusu hanya disyor vaksin Pfizer


NASIONAL Mei 17, 2021 @ 2:32pm
Tempahan AstraZeneca untuk warga emas mulai 23 Mei


NASIONAL Mei 17, 2021 @ 9:48am
732,911 individu lengkap dua dos vaksin COVID-19


NASIONAL Mei 17, 2021 @ 6:36am
Tempahan vaksin Astrazeneca dibuka palsu - JKJAV

## TRENDING


KES 4 jam yang lepas
Budak lelaki lemas, rakan hilang


NASIONAL 12 jam yang lepas
COVID-19: Aktiviti berbuka puasa, 78 individu positif virus


NASIONAL Mei 18, 2021 @ 7:50pm
COVID-19: Malaysia rekod kes

mewakili 1,700 rumah jagaan seluruh negara itu, menawarkan bantuan untuk mempercepat proses vaksinasi warga emas di pusat jagaan.

Mengulas perkara itu, Delren berkata, Khairy menjelaskan KKM memang sudah merencana inisiatif memvaksin warga emas di pusat jagaan, namun terdapat isu komunikasi menyebabkan tiada pihak berhubung dengan MyAgeCOpe.

Secara keseluruhan, kata Delren, pihaknya berpuas hati dengan penjelasan dan komitmen dinyatakan Khairy dalam pertemuan yang berlangsung lebih sejam hari ini.

"Kami menyatakan komitmen untuk membantu kerajaan memastikan 1,300 pusat jagaan tidak berlesen, untuk berdaftar menerima vaksin, sama ada secara terus dengan KKM dan MOSTI, atau melalui kami.

"Khairy turut memberi jaminan jika ada agensi penguatkuasaan yang mengambil tindakan terhadap pusat jagaan ini, kami boleh maklumkan terus kepadanya," katanya.

Berhubung proses vaksinasi warga emas di pusat jagaan, Delren berkata, Khairy memaklumkan vaksin AstraZeneca akan ditawarkan kepada mereka.

"Jika penghuni tak mahu, mereka boleh minta vaksin Pfizer, namun mungkin lambat sedikit iaitu sekitar sebulan atas isu logistik kerana kawalan suhu penting untuk vaksin Pfizer bagi memastikan ia tidak tercemar dalam proses penghantaran," katanya.



kematian tertinggi dua hari berturut-turut



NASIONAL Mei 18, 2021 @ 5:11pm

Mohd Nazifuddin terima notis kebankrapan RM37.6 juta



SELEBRITI Mei 18, 2021 @ 12:49pm

RM500 untuk dua episod drama?

## MYRESIPI



INFOMASI Mei 18, 2021 @ 3:18pm

Teringin Nak Makan Nasi Ganja? Jom Cuba Buat Sendiri Di Rumah, Senang Je!



INFOMASI Mei 18, 2021 @ 3:16pm

Lembut & Gebu, Ini Resepi Kek Pandan Bersantan



INFOMASI Mei 17, 2021 @ 12:47pm

Resepi Kuih Bijan Kegemaran Ramai, Makan Sekali Mesti Nak Lagi!



INFOMASI Mei 17, 2021 @ 12:46pm

Cara Mudah Buat Serunding Kelapa Guna Air Fryer, Mudah, Ringkas & Jimat Masa!



INFOMASI Mei 15, 2021 @ 11:00am

Resepi Kuih Gunting Rangup & Pedas, Makan Sekali Pasti Nak Lagi!

## BERITA BERKAITAN




NASIONAL Dis 2, 2020 @ 8:20pm

KKM pantau penggunaan vaksin COVID-19 di Britain



NASIONAL Mei 17, 2021 @ 4:49pm

JKM serah 68,000 nama untuk Fasa 2 PICK




ASIA Jan 21, 2021 @ 3:31pm

Pusat jagaan warga emas China kekal sifar kes COVID-19




NASIONAL Mac 10, 2021 @ 4:55pm

Vaksin COVID-19: Warga emas di pusat jagaan, pondok diutamakan

Disyorkan untuk anda

Recommended by



**Taiwan's coronavirus spike: What went...**

Nikkei Asia



**Invest now $ 250 in Companies like Netflix and get a...**

Smart Invest



**Dwayne 'The Rock' Johnson Buys Georgia...**

Mansion Global



**Malaysia: The Cost of Dental Implants in 202...**

Dental Implants | Searc...



**Kuala Lumpur: Liquidation Of Unsold 2020...**

SUV Deals | Search Ads



**15 People From Famous Memes Look Then Vs....**

TooCool2BeTrue



**How to Reduce Your Electric Bill by Up to 90%**

Electricity Saver



**[Pics] Most Hilarious Photoshop Edits...**

Parentsdome Galleries





2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group